

TANJUNG KARANG, 26 SEPT. (BERNAMA) --- DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN AKAN MENUNTI BORONGAN DAN INSENTIF KEPADA SEKTOR SWASTA UNTUK MEMUDUKKAN KILANG-KILANG YANG BERASASAL PERTANIAN BARI MEMHASILKAN PENGELUARAN PERINGKAT TINGGI UNTUK INDUSTRI YANG LEBIH BESAR.

PERDANA MENTERI BERKATA DISAMPIING ITU, KERAJAAN JUGA AKAN MENGADAKAN LATIHAN TERTENTU KEPADA PARA PETANI DAN PELADANG YANG BERMINAT MEMUDUKKAN KILANG KECILAN SENDIRI BAGI MEMROSES BAHAN PERTANIAN.

USABA-USABA ITU HENDAKLAH DISUSUN DENGAN RAPI SUPAYA SEHAI DENGAN KEPERLUAN TENAGA BURUH DAN PASARAN DALAM NEGARA. DATUK SRI MAHATHIR KETIKA MERASMIKAN HARI PELADANG KEBANGSAAN TAHUN INI DI TANJUNG KARANG +PELADANG PROGRESIF ASAS PERMODENAN PERTANIAN+ DI SINI.

TAMBAHNYA DI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT, KERAJAAN AKAN MENJALANKAN AMALAN PENDEKATAN PEMBANGUNAN YANG MENYELURUH SUPAYA SETIAP ASPEK KEPERLUAN PENGHIDUPAN PARA-PETANI DIBERI PERHATIAN SEWAJARNYA.

UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TETSEBUT AGENSI-AGENCI KERAJAAN YANG TERLIBAT HENDAKLAH SENTIASA SENSITIF KEPADA KEPERLUAN DAN KEADAAN PARA PETANI, TAMBAHNYA. --- BERSAMBUNG 1499/1B

B534:

MAHATHIR-2 TANJUNG KARANG

KATANYA HASRAT KERAJAAN TALAH MENJADIKAN PERTANIAN MODEN SEBAGAI ASAS PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SUPAYA KADAR KEMISKINAN KIRA-KIRA 46.1 PERATUS SEKARANG DI KALANGAN PENDUDUK DESA DAPAT DIRORANGKAN.

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAAN AKAN MENGUTAMAKAN PENDEKATAN PERTANIAN SECARA BERKELOMPOK DI MASA HADAPAN BAGI MENGATASI MASALAH TANAH LADANG DAN SAWAH KECIL YANG TIDAK MENUNTUNGAN.

MENCENAI PROGRAM PEMBANGUNAN KAWASAN BERPADU YANG MELIBATKAN AGENSI-AGENCI PERTANIAN BERSAMA MENYELARASKAN KEGIATAN MASING-MASING, BELIAU MENYATAKAN RANCANGAN ITU TELAH MENAMPACKAN BEBERAPA HASIL YANG MENGGALAKKAN DI KALANGAN PARA PETANI.

MENYENTUH PERANAN YANG PERLU DIMAINKAN OLEH INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN, PERDANA MENTERI MENGGESA INSTITUSI-INSTITUSI ITU MENINGKATKAN PENGLIBATAN MEREKA DAN MEMBERIKAN KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN PERTANIAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT MENAMBAHKAN PARA PETANI.

BELIAU JUGA MENGGESA PARA PETANI MENYELENGGARAKAN SENDIRI SECARA BEKERJASAMA UNTUK MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MENJAGA PARIT DAN TALIAIR DI KAWASAN MEREKA. --- BERSAMBUNG 1505/1B

MAHATHIR-3 TANJUNG KARANG

SELAMA INI KERJA-KERJA PENYELENGGARAN PARIT DAN TALIAIR, MENEBAS RUMPUT DAN MEMBAIKKI BAN DILAKUKAN OLEH PARA KONTRAKTOR DAN INI MENELAN BELANJA YANG TINGGI.

TEGASNYA, DENGAN KERJA-KERJA ITU DISELENGGARAKAN SENDIRI OLEH PARA PETANI MAKA KOS YANG LAZIM DIBERIKAN KEPADA KONTRAKTOR DAPAT DINIKMATI OLEH PARA PETANI SENDIRI, DISAMPIING MENOLONG PARA PETANI BEKERJA SEPENUH MASA.

MENTERI PERTANIAN DATUK ABDUL MANAN OTHMAN DALAM UCAPANNYA MENGECEM GOLONGAN-GOLONGAN YANG MERENDAH-RENDahkan KEMAMPUAN DAN AKTIVITI PARA PETANI DALAM PEMBANGUNAN NEGARA.

TEGASNYA, TERDAPAT PARA PERANCANG EKONOMI NEGARA YANG MENGANGGAP PARA PELADANG SEBAGAI WARGANEGARA KELAS DUA SEMENTARA PARA USAHAWAN PERUSAHAAN MODEN MEMANDANG PARA PELADANG SEBAGAI GOLONGAN YANG TIDAK BERFAEDAH DALAM PEMBANGUNAN.

BELIAU MENYERU GOLONGAN-GOLONGAN ITU SUPAYA MENGHENTIKAN PERBUATAN ITU KERANA IA ADALAH SIKAP WARISAN PENJAJAH.

LEBIH 7,000 ORANG HADIR DI MAJLIS PERASMIAN ITU TERMASUK DATIN SRI DR. SITI HASMAN, MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HAJI HORMAT RAFIE DAN ISTERI, MENTERI-MENTERI KABINET DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN. --- BERNAMA 1510/1B